



11 MAY, 2025

## Kealpaan ibu bapa antara faktor terjadi rogol, sumbang mahram

Berita Harian Ahad, Malaysia



# Kealpaan ibu bapa antara faktor terjadi rogol, sumbang mahram



Pendedahan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat mengenai peningkatan kes rogol dan sumbang mahram di negeri itu yang disifatkan membimbangkan memang pahit untuk ditelan. Hakikatnya, kes sebegini semakin menjadi-jadi di seluruh negara, tidak terkecuali Kelantan tidak boleh 'disapu ke bawah permaidani', sebaliknya masalah itu mesti diakui sebagai langkah permulaan untuk mencari penyelesaian menyeluruh. **Wartawan BH, Nor Fazlina Abdul Rahim** menemu bual mangsa rogol dan sumbang mahram serta mendapatkan pandangan ahli psikologi serta kaunseling.

### Zainab Izzah Mahmud

Ketua Unit Psikologi dan Kaunseling Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan

**Soalan (S):** Ketua Polis Negeri mendedahkan kes rogol dan sumbang mahram di Kelantan semakin membimbangkan. Pada pandangan puan, apa faktor utama?

**Jawapan (J):** Sepanjang 17 tahun berkecimpung dalam bidang kaunseling dan psikologi, apa saya boleh katakan kes rogol sama ada suka sama suka atau kes sumbang mahram bukan perkara baharu. Ia sudah sekian lama dan berlaku di mana-mana sahaja, termasuk di Kelantan hingga turut disebut Ketua Polis Kelantan, baru-baru ini. Faktor utama menyumbang adalah bermula dengan institusi keluarga kerana apa sahaja berlaku kepada anak

ini bermula dari rumah sebelum perbuatan itu disokong kepada faktor lain. Anak belajar daripada ibu bapa mereka, bagaimana golongan itu membentuk personaliti anak sehingga mampu menguruskan diri, terutama apabila di peringkat sekolah menengah atau universiti. Ada ibu bapa terlalu sibuk sehingga tiada masa dengan anak, ada ibu bapa sentiasa bergaduh menyebabkan anak rasa ibu bapa bukan orang sesuai untuk mereka mencerita-

kan masalah hingga mencari orang luar. Selain itu, bahan pornografi atau video lucu boleh diakses dengan mudah dan kurangnya didikan agama turut menyumbang kepada perbuatan itu. **S: Apakah tahap percintaan remaja sekarang terlalu terbuka sehingga baru kenal sudah melakukan hubungan terlarang?** **J:** Saya tidak menafikan perkara itu, kononnya cinta

sejati dan mereka mahu membuktikan kepada pasangan sehingga sanggup melakukan apa sahaja yang akhirnya maruah tergadai. Sedangkan ada dalam kalangan mereka sebenarnya sedar apa dilakukan itu adalah salah. Hubungan terlarang itu ibarat 'salam perkenalan' buat mereka dan keadaan itu sangat membahayakan jika tidak dibendung secara menyeluruh. *Lihat Muka 13*



11 MAY, 2025

## Kealpaan ibu bapa antara faktor terjadi rogol, sumbang mahram

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 3

# Dengar luahan anak, beri sokongan moral

**Dari Muka 12**

**S:** Berdasarkan maklum balas mangsa rogol dan sumbang mahram, sejauh mana akses kepada video lucah dan ibu bapa sibuk menyebabkan kejadian itu berlaku?

**J:** Kedua-dua faktor ini menjadi penyumbang terbesar kepada kes rogol dan sumbang mahram. Berdasarkan kes dirujuk kepada saya, 80 peratus daripadanya adalah faktor video lucah dan ibu bapa.

Kita kena faham remaja didedahkan dengan video lucah sama ada secara sendiri, daripada abang kandung atau teman lelaki, ia akan merangsang nafsu. Pada masa sama, jika benteng agama mereka

pula tidak kuat, maka mudah terjerumus sehingga maruah tergadai.

Kita tidak menafikan sekarang gajet penting dan ibu bapa juga sedar untuk mendidik anak perlu seiring dengan zaman, namun mereka perlu tahu bagaimana kaedah mengawal anak masing-masing supaya tidak mudah tersasar.

**S:** Bagaimanakah kesan psikologi dialami mangsa rogol dan sumbang mahram?

**J:** Sudah tentu mangsa rogol atau sumbang mahram tanpa rela mendapat kesan paling teruk. Malah, mereka yang suka sama suka juga terkesan, terutama apabila hubungan itu menghasilkan

satu nyawa lain.

Justeru, jika sudah berada pada fasa berkenaan, sekali lagi ibu bapa perlu memainkan peranan dan terpaksa reda dengan takdir walaupun pahit ditelan.

Mana-mana ibu bapa sukar terima, namun perkara itu sudah berlaku. Perlu ingat, sesiapa sahaja akan melakukan kesalahan, tiada manusia sempurna.

Justeru, penting kepada ibu bapa memberi sokongan moral dan mendapatkan khidmat kaunseling atau merujuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu bagi mendapatkan jalan penyelesaian.

Terutama bagi mereka yang mengandung, berada di rumah bukan keputusan

tepat, sebaliknya menempatkan mereka di pusat tertentu, termasuk disediakan NGO atau kerajaan adalah lebih baik kerana di situ mereka didedahkan dengan banyak pengalaman dan ilmu lain.

Pada masa sama, masyarakat jangan terlalu mudah menghukum mereka tersasar, sebaliknya sokongan semua pihak penting untuk mereka kembali bangkit. Jika dibiarkan, tidak mustahil mereka lari dari rumah atau mengamalkan tindakan membahayakan.

**S:** Apakah pesanan kepada ibu bapa dan masyarakat?

**J:** Peranan ibu bapa sekarang makin mencabar kerana anak terkehadapan. Perkara pertama adalah ibu bapa

perlu mendampingi anak masing-masing dan setiap larangan yang kita tegah perlu disertakan dengan penjelasan berkesan supaya mereka tidak memberontak.

Kita juga melihat pelbagai pihak memainkan peranan termasuk mengadakan kempen kesedaran, namun mungkin semua itu belum mencukupi dan apa yang ingin dijelaskan tidak sampai kepada golongan sasaran. Yang perlu diberi kempen itu bukan hanya remaja, sebaliknya ibu bapa itu sendiri.

Contohnya, setiap kampung ada masjid. Selain diisi aktiviti solat, perlu juga program kempen seperti ini dianjurkan kerana ia lebih sampai kepada sasaran.



11 MAY, 2025

## Kealpaan ibu bapa antara faktor terjadi rogol, sumbang mahram

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 3 of 3

### SUMMARIES

Pendedahan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat mengenai peningkatan kes rogol dan sumbang mahram di negeri itu yang disifatkan membimbangkan memang pahit untuk ditelan. Hakikatnya, kes sebegini semakin menjadi-jadi di seluruh negara, tidak terkecuali Kelantan tidak boleh 'disapu ke bawah permaidani', sebaliknya masalah itu mesti diakui sebagai langkah permulaan untuk mencari penyelesaian menyeluruh. Wartawan BH, Nor Fazlina Abdul Rahim menemu bual mangsa rogol dan sumbang mahram serta mendapatkan pandangan ahli psikologi serta kaunseling.